

Title: Competencies Required By the Industry Coaches to Perform New Task in the Implementation of the National Dual Training System in Malaysia

(Mohamad bin Sulaiman)

Abstrak

Dalam pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), industri memainkan peranan penting bagi memastikan 70% latihan dijalankan di tempat kerja. Cabaran utama yang perlu dihadapi oleh jurulatih ialah bagaimana melaksanakan SLDN dalam suasana pekerjaan di tempat kerja. Tujuan kajian ini adalah untuk membangun pengetahuan dan kefahaman tentang kompetensi-kompetensi baru personel industri sebagai jurulatih dalam pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di mana peluang-peluang pembangunan yang sesuai dapat disediakan bagi membantu mereka melaksanakan tugas baru. Kajian ini bermatlamatkan status semasa tugas-tugas para eksekutif, penyelia dan juruteknik kanan. Populasi yang terlibat dalam kajian adalah jurulatih-jurulatih industri yang dilantik oleh 159 syarikat yang telah menyatakan persetujuan untuk menyertai program SLDN. Kajian telah menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan data daripada jurulatih-jurulatih industri. Selain daripada itu, kajian ini juga telah mengadakan temu bual dan perbincangan dengan kumpulan pakar industri. Bagi mengenal pasti keperluan kompetensi-kompetensi baru oleh bakal jurulatih, dua kaedah analisis statistik digunakan iaitu pertama; kaedah deskriptif statistik bagi mendapatkan tahap kepentingan sesuatu faktor, dan kedua; kaedah analisis faktor bagi mengenal pasti sub-faktor yang perlu diberi tumpuan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa semua peringkat eksekutif, penyelia dan juruteknik kanan memerlukan kekompetenan yang sama. Semua bakal-bakal jurulatih SLDN perlu memiliki kelayakan dan kekompetenan dalam semua faktor seperti metodologi latihan, kemahiran teknikal, pengetahuan teori teknikal, kemahiran pembangunan kurikulum, pengurusan aktiviti latihan, penaksiran dan penilaian latihan, bimbingan dan penempatan pelatih, pembangunan prestasi dan peranan professional dan kemahiran bahasa.